

**SENARAI
KEMUDAHAN DAN
KEISTIMEWAAN
BAGI
ORANG KURANG UPAYA**

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



DARI:

**JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA
(JPOKU)**

A. KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN KEPADA OKU YANG DI SEDIAKAN OLEH JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA , JKM

1.0 BANTUAN KEWANGAN

1.1 Elaun Pekerja Cacat (EPC)

Tujuan :

- Sebagai penyenggaraan pendapatan (*income maintenance*) untuk memenuhi keperluan asas kehidupan Orang Kurang Upaya (OKU);
- Sebagai insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif; dan
- Untuk meningkatkan taraf hidup OKU di dalam masyarakat.

Kelayakan :

- Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai orang kurang upaya;
- Bekerja sendiri atau dengan majikan;
- Pendapatan bulanan pemohon di bawah RM1,200 sebulan tidak termasuk pendapatan keluarga;
- Berumur 16 tahun ke atas; dan
- Tidak tinggal di institusi yang telah disediakan kemudahan tempat tinggal, makan/minum dan pakaian percuma.

Kadar :

- RM350.00 sebulan

1.2 Geran Pelancaran (GP)

Tujuan :

- Untuk memberi bantuan kewangan kepada kumpulan sasar Jabatan yang mempunyai minat dan potensi untuk maju bagi menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil.
- Memberi galakan kepada penerima bantuan JKM untuk berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka.
- Geran ini membolehkan Orang Kurang Upaya melancarkan rancangan jayadiri mereka agar dapat berdikari dengan usaha sendiri.

Kelayakan :

- Penerima bantuan bulanan atau ahli keluarga;
- Orang Kurang Upaya (OKU) yang sedang mendapat perkhidmatan dari Jabatan;
- Bekas pelatih dari Institusi Kebajikan dan kes – kes seliaan akhlak;

Kadar:

- Had maksimum geran pelancaran ialah RM2,700.00 sekaligus dengan tempoh kaji semula iaitu seliaan dibuat setiap tiga (3) bulan.

1.3 **Bantuan Alat Tiruan Dan Alatan Sokongan (BAT/S)**

Tujuan :

- Membantu OKU kurang kemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, kalipers, tongkat tangan / ketiak cermin mata ,alat pendengaran dan lain -lain yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan.
- Membantu OKU meningkatkan keupayaan dan potensi diri serta dapat berdikari dalam mengharungi kehidupan.

Kelayakan :

- OKU berdaftar dengan JKM
- Disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan
- OKU yang tidak mampu untuk membeli alat tiruan / alat sokongan yang diperlukan.

Kadar :

- Kadar sebenar alat Tiruan/Sokongan

1.4. **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**

Tujuan :

- Membantu meringankan bebanan perbelanjaan penjagaan yang dihadapi oleh keluarga penjaga;
- Menggalakkan penjagaan yang lebih sempurna kepada kumpulan sasar OKU dan pesakit Kronik terlantar;

- Mempertingkatkan kualiti hidup kumpulan sasar yang terlibat;
- Mengelak atau mengurangkan kemasukan kumpulan sasar yang berkenaan ke Institusi Kebajikan; dan kesejahteraan keluarga.

Kelayakan :

- Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- Pemohon adalah penjaga sepenuh masa yang merupakan ahli keluarga OKU / pesakit Kronik Terlantar;
- OKU terlantar / pesakit kronik terlantar bergantung sepenuhnya kepada penjaga untuk kehidupan harian;
- Pendapatan keluarga OKU di bawah RM 3,000 sebulan;

Kadar :

- RM300 sebulan dengan tempoh kaji semula selama 12 bulan.

1.5. **Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)**

Tujuan :

- Untuk membantu menyara kehidupan golongan OKU yang tidak berupaya untuk bekerja;
- Untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan OKU; dan
- Mengelak atau mengurangkan kemasukan kumpulan sasar yang berkenaan ke Institusi Kebajikan;

Kelayakan :

- Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- Sumber pendapatan individu tidak melebihi PGK semasa. Sumber pendapatan adalah merujuk kepada semua pendapatan yang diterima oleh individu termasuk pencen Ilat, pencen bulanan, PERKESO, bantuan bulanan, insurans dan lain- lain;
- OKU berdaftar dengan JKM;
- Disahkan oleh pegawai perubatan bagi kes –kes yang meragukan;
- Berumur antara 18 – 59 tahun;
- Bukan penerima skim bantuan bulanan JKM sedia ada;
- Bukan peserta Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kelolaan JKM dan program penjagaan / pemulihan kelolaan agensi Kerajaan dan NGO Kebajikan; dan
- Bagi keluarga yang menerima bantuan bulanan termasuk Bantuan Penjagaan OKU Terlantar (BPT) yang berpendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan, bantuan ini boleh dipertimbangkan kepada pemohon.

Kadar :

- RM200 sebulan dan tempoh kaji semula adalah selama 12 bulan

1.6 Bantuan Tongkat Putih “ *White Cane*” dan *Mesin Braille*

Kerajaan kini membiayai sepenuhnya pembelian “White Cane” dan Mesin Braille bagi mereka yang kurang upaya penglihatan.

2.0 PERKHIDMATAN PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dibuat secara sukarela di seluruh negara. Agensi yang terlibat dalam pendaftaran adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran OKU hendaklah dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian.

2.1 OBJEKTIF

- Untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan.
- Untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU.
- Untuk membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsiian / ketidakupayaan mereka.

2.2 PEMOHONAN PENDAFTARAN

- (a) Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian;
- (b) Menggunakan borang tersebut di atas; dan
- (c) Menyertakan 3 keping gambar ukuran kad pengenalan (Dewasa) 4 keping gambar ukuran kad pengenalan (Kanak - Kanak) dan dokumen sokongan seperti salinan MyKad, MyKid atau Sijil Kelahiran.

2.3 **SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN**

- Warganegara yang bermastautin di Malaysia
- Telah disahkan / diperakui oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan / Pakar Psikiatri, Pakar Perubatan / Pegawai Perubatan Swasta

2.4 **BORANG-BORANG PENDAFTARAN**

Borang Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya
[BPPOKU (Pindaan 1/2012)]

Borang permohonan boleh diperolehi sebagaimana di bawah:

- i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
- ii. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian
- iii. Hospital dan Klinik Kesihatan Kerajaan
- iv. Jabatan Pelajaran Negeri (Bahagian Pendidikan Khas)
- v. Jabatan Pelajaran Daerah (Bahagian Pendidikan Khas)
- vi. Jabatan Pembangunan Wanita
- vii. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
- viii. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
- ix. Muat turun menerusi Laman Web Jabatan www.jkm.gov.my

3.0 PEMULIHAN DALAM KOMUNITI

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau "Community-Based Rehabilitation" (CBR) telah dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). **Jabatan Kebajikan Masyarakat** telah terlibat secara langsung dalam penyediaan manual dan seterusnya diberi peluang menilai dan mengubahsuai pelaksanaan program ini.

Pada tahun 1984, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil inisiatif dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan Projek Perintis PDK di Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu untuk melibatkan 55 orang kurang upaya (OKU). Program PDK ini berkembang dengan pesatnya serta mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari masyarakat dari masa ke semasa.

Kelayakan:

- Warganegara Malaysia
- Semua Kategori OKU yang berdaftar dengan JKM
- Tiada Had Umur

Elaun diterima pelatih

Pelatih yang mengikuti program di pusat RM 150.00 sebulan

Pelatih yang mengikuti program di rumah RM 150.00 sebulan

4.0 PERKHIDMATAN INSTITUSI

Perkhidmatan institusi menyediakan perkhidmatan jagaan, pemulihan, latihan serta peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya. Terdapat 11 buah institusi Orang Kurang Upaya seperti berikut:

INSTITUSI	BILANGAN
Taman Sinar Harapan	7
Bengkel Terlindung	2
Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi	1
Pusat Harian Bukit Tunku	1
Jumlah	11

4.1 TAMAN SINAR HARAPAN (TSH)

Taman Sinar Harapan merupakan institusi yang dikhaskan kepada Orang Kurang Upaya Masalah Pembelajaran yang merangkumi kategori Lewat Perkembangan Global, *Sindrom Down*, *Lembam*, *Austisme*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)* dan Kurang Upaya Intelektual yang memerlukan penjagaan, latihan, pemulihan dan perlindungan.

4.1.1 Objektif

- Memberi jagaan , perlindungan dan pemulihan kepada Orang Kurang Upaya bermasalah Pembelajaran yang terbiar, yatim piatu, tidak mempunyai penjaga dan yang memerlukan latihan pemulihan.

- Memberi latihan pengurusan diri atau latihan aktiviti kehidupan seharian supaya mereka ini dapat melakukan sendiri tanpa bantuan orang lain.
- Memberi latihan pra – vokasional supaya mereka boleh hidup berdikari.
- Memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi atau bergaul dengan kawan –kawan, masyarakat atau orang lain melalui aktiviti –aktiviti sosial dan sebagainya.
- Memberi latihan kemahiran sosial dan mendapatkan kerjasama dari badan –badan sukarela bagi tujuan integrasi dengan masyarakat.

4.1.2 Kriteria Kemasukan TSH

Di Malaysia terdapat tujuh (7) buah Taman Sinar Harapan yang beroperasi dan diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kriteria kemasukan kesemua TSH adalah mengambil kira klasifikasi mengikut umur, jantina, kategori ketidakupayaan, kebolehan dilatih, serta kesesuaian dan kemudahan yang terdapat di TSH.

Kriteria -kriteria kemasukan setiap TSH adalah seperti berikut:

BIL	INSTITUSI	PENEMPATAN
1	TSH Tuanku Ampuan Najihah, Seremban,	Umur 0- 14 tahun OKU boleh dilatih Lelaki dan Perempuan
2	TSH Bukit Besar, Kuala Terengganu,	Umur 0- 14 tahun OKU boleh dilatih Lelaki dan Perempuan

3	TSH Cheras, Selangor	Umur 14- 25 tahun OKU boleh dilatih Lelaki dan Perempuan
4	TSH Tampoi, Johor Bharu	Umur 15- 35 tahun OKU boleh dilatih Lelaki Tiada penyakit berjangkit
5	TSH Jubli, Johor Bharu	Umur 15- 35 tahun OKU boleh dilatih Lelaki Tiada penyakit berjangkit
6	TSH Jitra, Kedah	Umur 0- 14 tahun OKU Terlantar Tidak boleh dilatih
7	TSH Kuala Kubu Bharu, Selangor	Umur 15 tahun ke atas OKU Terlantar Tidak boleh dilatih

[Laman Web:http://www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)

[No.Telefon: 03-26165660](tel:03-26165660)

5.0 Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihan Bangi, Selangor

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi adalah sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberikan perkhidmatan kepada Orang Kurang Upaya Fizikal melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan.

Objektif

- Memberikan perkhidmatan yang komprehensif kepada OKU Fizikal untuk mendapatkan latihan vokasional dan pemulihan perubatan.
- Mengembalikan kemahiran yang telah hilang akibat kemalangan bagi meningkatkan kemampuan mereka bekerja dan berdikari.
- Mengambil langkah awal untuk pemulihan bagi mengelakkan ketidakupayaan menjadi lebih teruk.
- Menyediakan tempat perkhidmatan sebagai rujukan dan sumber latihan penuntut perubatan, jurupulih, juruteknik prostetik dan ortotik serta lain – lain kakitangan yang memerlukan.
- Menjadikan tempat rujukan untuk menjalankan kajian berkaitan OKU.

5.1 Kriteria Kemasukan

Kriteria adalah seperti berikut:

(a) Kursus Vokasional

- OKU Fizikal berdaftar dengan JKM
- Umur 18 - 40 tahun
- Mampu mengurus diri sendiri dan boleh mendapat manfaat dari latihan
- Kelayakan akademik PMR/ SPM

(b) **Kursus Pra Vokasional**

- OKU Fizikal berdaftar dengan JKM
- Umur antara 14 – 25 tahun
- Mampu mengurus diri sendiri dan boleh mendapat manfaat dari latihan
- Boleh membaca menulis dan mengira

(c) **Pemulihan Perubatan**

- OKU Fizikal berdaftar dengan JKM
- Mampu mengurus diri sendiri dan boleh mendapat manfaat dari latihan.

5.2 **Latihan dan Program serta Perkhidmatan yang ditawarkan:**

(a) **Pemulihan Perubatan**

Wad Perubatan

Fisioterapi

Pemulihan Carakerja

(b) **Kursus Vokasional**

Pembantu Tadbir Sistem Maklumat (MLVK)

Rekaan Fesyen & Jahitan (MLVK)

Elektrikal (MLVK)

Elektronik

Elektrikal

Prostetik dan Ortotik

Pembuatan Kerusi roda

(c) **Kursus Pra Vokasional**

Elektronik

Komputer

Lukisan

Jahitan

Membatik

(d) **Perkhidmatan yang disediakan**

Kaunseling

Sekolah Latihan Memandu OKU

Aktiviti Keagamaan & Kebudayaan

Elaun Galakan Belajar

[Laman Web:http://www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)

[No.Telefon: 03-26165660](tel:03-26165660)

6.0 BENGKEL DAYA / TERLINDUNG

Bengkel Terlindung telah ditubuhkan mengikut Kaedah –kaedah Workshop Terlindung 1979. Bengkel ini dikhaskan untuk Orang Kurang Upaya yang tidak berdaya saing untuk mendapat pekerjaan di pasaran terbuka. Terdapat dua (2) buah bengkel terlindung iaitu seperti berikut:

- a) Bengkel Daya Klang
- b) Bengkel Daya Sungai Petani

6.1 Objektif

- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada Orang Kurang Upaya

- Mempertingkatkan tahap keupayaan, kebolehan, pengetahuan dan kemahiran warga kurang upaya
- Memberi sumber pendapatan kepada warga kurang upaya.

6.2 **Projek /Pekerjaan yang ditawarkan:**

(a) **Bengkel Daya Sungai Petani**

Bengkel Daya Sungai Petani menjalankan projek dan pekerjaan seperti berikut:

- Bengkel Bakeri
- Dobi
- Jahitan
- Nurseri / Semaian

(b) **Bengkel Daya Klang**

Bengkel Daya Klang menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

(i) **Jahitan**

Menerima kontrak jahitan beg, pakaian seragam, kasual fesyen lelaki dan perempuan serta hiasan rumah, pejabat (langsir, cadar dan sarung bantal)

(ii) **Perkhidmatan Am**

Menerima kontrak kerja -kerja yang bersesuaian dengan keupayaan pekerja seperti kerja -kerja berkaitan plastik dan pembungkusan serta kerja sampingan dari kilang.

(iii) **Bakeri**

Membuat dan menjual roti dan kek kepada pelanggan di sekitar Lembah Klang. Roti yang mendapat sambutan dari pelanggan adalah seperti berikut:

- Bun Sardin, kentang, hotdog, kelapa, kaya, manis dan Bun kacang
- Mini Pizza, Muffin, Kek Pisang, Pandan, Coklat dan lain –lain.

6.3 Kriteria Kemasukan

- Berdaftar dengan JKM
- OKU yang terlatih berumur 18 hingga 45 tahun
- OKU Fizikal dan Masalah Pembelajaran
- Bebas daripada penyakit berjangkit
- Boleh mengurus diri sendiri
- Percubaan selama 3 bulan bagi pekerja OKU yang baru diterima masuk

7.0 Pusat Harian Bukit Tunku

Pusat Harian ini telah dibuka secara rasminya pada 6 Jun 1989 oleh Y.B. Datuk Mustaffa bin Mohamad, Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia. Menerima kemasukan kes –kes pesakit jiwa yang telah menjalani rawatan perubatan di Hospital Permai Johor Bahru, Hospital Bahagia di Tanjung Rambutan, Hospital Besar Kuala Lumpur bagi menjalani rawatan pemulihan yang disediakan di Pusat Harian Tunku supaya pesakit –pesakit ini dapat diserapkan lebih awal ke dalam masyarakat.

7.1

Objektif

- Untuk membantu mengembalikan keupayaan atau kebolehan yang boleh menolong mereka untuk hidup lebih bebas di dalam masyarakat.
- Untuk menyedari keupayaan dan kebolehan seseorang pesakit jiwa dan memupuk keupayaan atau kebolehan tersebut.
- Untuk mempertingkatkan tanggungjawab pesakit jiwa terhadap dirinya dan juga orang lain.
- Untuk membimbing pesakit jiwa mengenai penyesuaian dalam kehidupan harian mereka.

7.2

Matlamat

(a) **Pemulihan**

Membantu pesakit –pesakit jiwa kembali ke pangkuan masyarakat selepas mereka pulih dari penyakit tersebut dengan membina kembali keyakinan diri dan kemahiran mereka dan menggalakkan setiap individu untuk mencapai potensi mereka dengan sepenuhnya.

(b) ***Therapeutic***

Membantu pesakit –pesakit jiwa memahami kesan penyakit kepada mereka dan orang lain dan membezakan kesedaran diri dan mengenali diri mereka sebagai manusia bukannya pesakit jiwa.

(c) **Pencegahan**

Mengurangkan tekanan jiwa dalam suasana di rumah sebelum, semasa dan selepas mengalami penyakit itu bagi mengelakkan kes kemasukan ke hospital berulang.

7.3 **Kemasukan**

- Dirujuk oleh Pegawai Perubatan Bahagian Psikiatri Hospital setelah menjalani pemeriksaan perubatan (Laporan Perubatan) bagi menentukan sama ada kes ini sesuai mengikuti program di Pusat Harian Bukit Tunku.
- Laporan perubatan dihantar kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan untuk kelulusan.

8.0 **PERKHIDMATAN KAUNSELING OKU**

Perkhidmatan Kaunseling merupakan salah satu pendekatan atau strategi yang digunakan untuk memperkasakan OKU dalam masyarakat. Perkhidmatan ini berlandaskan pada bentuk Kaunseling Pemulihan yang khusus untuk OKU.

Perkhidmatan Kaunseling ini memberi tumpuan kepada dua aspek iaitu kerjaya dan ke arah kehidupan berdikari. Perkhidmatan yang diberikan adalah bersifat menyeluruh yang mana tidak tertumpu kepada OKU sahaja sebagai klien, tetapi melibatkan keluarga, komuniti setempat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak kerajaan sebagai pemangkin dalam membangunkan komuniti OKU.

B. KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN LAIN KEPADA OKU YANG DISEDIAKAN OLEH AGENSI KERAJAAN

1.0 KEMENTERIAN PELAJARAN

1.1. KEMUDAHAN PENDIDIKAN

Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Bahagian Pendidikan Khas menyediakan kelas khas kepada kanak-kanak OKU penglihatan, pendengaran dan bermasalah pembelajaran. Program pendidikan dilaksanakan melalui :

1.1.1 Program Pendidikan Khas

Sekolah Khas bagi murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran dan pembelajaran (menengah).

Program Pendidikan Khas Integrasi untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah dan sekolah menengah teknik/vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

1.1.2. Elaun RM 150.00 sebulan pelajar sekolah rendah dan menengah

Bagi pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah mereka diberi elaun sebanyak RM 150.00 sebulan. Seterusnya Bajet 2005 memperluaskan lagi pemberian elaun ini kepada setiap kanak-kanak kurang upaya yang di Sekolah Khas kelolaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

[Laman Web : www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

[No. Telefon: 03 – 88846000](tel:03-88846000)

1.2 KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

1.2.1. Pembiayaan Bantuan Kewangan

Untuk menggalakan Orang Kurang Upaya (OKU) melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi, Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan kepada semua pelajar OKU yang melanjutkan pengajian di IPTA, IPTS (yang diluluskan oleh KPT), Politeknik dan Kolej Komuniti yang berada di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi.

(a) Tempoh Pembiayaan:

- Sijil – 2 tahun (dikolej Komuniti dan Politeknik sahaja)
- Diploma – 3 tahun
- Sarjana Muda – 4 tahun
- Diploma Lulusan Ijazah – 2 tahun
- Sarjana – 2 tahun
- Ph.D – 4 tahun

(b) Syarat-syarat Bantuan Kewangan Pelajar OKU

- Warganegara Malaysia
- Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Pelajar OKU yang menerima biasiswa atas dasar kurang upayanya tidak layak menerima bantuan kewangan ini. Walau bagaimanapun, pelajar OKU yang menerima pinjaman pelajaran atau biasiswa atas merit akademik layak menerima elemen wang saku sahaja;
- Pelajar OKU hendaklah bukan dalam tempoh cuti belajar bergaji (penuh/sebahagian); dan

- Kursus yang diikuti hendaklah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

(c) **Kadar bayaran mengikut kategori pelajar iaitu:**

- (i) Pelajar Sepenuh Masa
- (ii) Pelajar Separuh Masa/Jarak Jauh

(i) **Pelajar Sepenuh Masa**

- **Bantuan meliputi wang saku dan yuran pengajian** yang tidak melebihi RM5,000/ setahun atau RM 20,000 sepanjang tempoh pengajian pada satu peringkat pengajian(sekiranya menerima pinjaman pelajaran atau pembiayaan sendiri sahaja). Penerima biasiswa hanya layak menerima wang saku sahaja.
- Kadar bantuan adalah wang saku RM300/ bulan dan bakinya adalah bantuan yuran tertakluk kepada RM5000 setahun bagi kedua – dua bantuan tersebut. Sekiranya jumlah wang saku dan yuran pengajian tidak mencapai RM5000 setahun, lebihan tersebut tidak akan dibayar dan tidak akan dibawa ke hadapan.
- Penetapan kadar bayaran adalah berdasarkan pada tahun kalendar. Ini bermakna tempoh yang layak adalah bermula dari tuntutan pertama dibuat dalam tahun semasa.
- Walau bagaimanapun, pelajar boleh memilih sama ada memohon kedua – dua bantuan atau memilih yuran pengajian sahaja. Sekiranya memilih yuran pengajian sahaja dan masih terdapat lebihan dalam tahun tersebut, lebihan akan dimasukkan ke dalam akaun pelajar pada akhir tahun.

(ii) **Pelajar Separuh Masa/Jarak Jauh**

- **Bantuan meliputi yuran pengajian sahaja** dan tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian, pada satu peringkat pengajian tertakluk kepada RM5,000 setahun. (sekiranya menerima pinjaman pelajaran atau pembiayaan sendiri sahaja). Penerima biasiswa termasuk yuran pengajian tidak layak menerima bantuan ini.
- Bayaran yuran pengajian akan dibuat terus kepada IPT berkenaan pada setiap semester tertakluk kepada invoice lengkap yang diterima; dan
- Bayaran akan dibuat berdasarkan tarikh tuntutan semasa. Tuntutan untuk semester yang telah berlalu tidak dibenarkan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi;

Setiausaha Bahagian
Bahagian Biasiswa
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 4, Blok 1, Menara PJH, Presint 2,
62100, PUTRAJAYA
(u:p: Unit Pinjaman Dan Bantuan Kewangan)

[Laman Web :http://www.portal.mohe.gov.my](http://www.portal.mohe.gov.my)

[No. Telefon:03-88844606/88844697](tel:03-88844606/88844697)

1.2.2 **Skim Pengecualian Yuran Pengajian Universiti Terbuka Malaysia.**

Universiti Terbuka Malaysia telah melancarkan Skim Pengecualian 75% Yuran Pengajian bagi Golongan Kurang Upaya dan Warga Emas yang berusia 55 tahun ke atas pada 9 Ogos 2005 yang memberi peluang kepada golongan OKU dan warga emas untuk mengikuti pengajian sesuai dengan moto universiti “Universiti Untuk Semua” dan “Merintis Pembelajaran Sepanjang Hayat.

[LamanWeb:http://www.oum.edu.my](http://www.oum.edu.my)

[No. Telefon: 03 – 27732251](tel:03-27732251)

2.0 KEMENTERIAN KEWANGAN/ LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

2.1. PELEPASAN CUKAI

2.1.1. Pelepasan Cukai Pendapatan bagi Anak Kurang Upaya yang Belajar di IPT.

Pelepasan cukai pendapatan diperluaskan kepada anak kurang upaya yang belajar di institusi pengajian tinggi yang diktiraf mengikut peringkat pendidikan seperti berikut:

- peringkat diploma dan ke atas di Malaysia, atau
- di peringkat ijazah pertama dan ke atas di luar Malaysia

Dengan mengambil kira pelepasan sedia ada sebanyak 5 ribu ringgit untuk anak kurang upaya, ibu bapa akan layak mendapat pelepasan cukai berjumlah 9 ribu ringgit. Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006.

2.1.2 Kemudahan Dan Galakan Pelepasan Cukai Pendapatan

Kerajaan telah memberi pelepasan cukai sehingga RM 5000 bagi membeli alat alat khas untuk kegunaan sendiri, anak atau ibubapa OKU.

- Mulai tahun 2005 pelepasan cukai tambahan sebanyak RM6000 kepada OKU.
- Pasangan OKU sebanyak RM3500.

[Laman Web: http://e.hasil.org.my](http://e.hasil.org.my)

[No. Telefon: 03 – 62091000](tel:03-62091000)

2.1.3. **Pengecualian Duti Eksais Ke atas Kenderaan OKU**

Kementerian kewangan telah memberikan pengecualian 100% Duti Eksais ke atas kenderaan cacat fizikal yang berkeupayaan memandu dengan syarat - syarat seperti berikut :

- Pemohon Berdaftar dengan JKM
- Pemohon memiliki lesen memandu yang sah
- Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik sehingga tamat tempoh 5 tahun
- Kecuali dengan kebenaran Perbendaharaan; dan
- Pengecualian hanya dibenarkan untuk sebuah kenderaan bagi setiap 5 tahun.

2.1.4 **Kemudahan Alat Ganti Orang Kurang Upaya**

Kerajaan memberi pengecualian duti impot dan cukai jualan ke atas semua peralatan direka khas untuk kegunaan orang kurang upaya.

Laman Web: <http://www.treasury.gov.my>

No. Telefon: **03 88823000**

3.0 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

3.1 Pengecualian Cukai Jalan

Jabatan Pengangkutan telah menyediakan kemudahan pengecualian cukai jalan (road tax) **orang kurang upaya fizikal** yang menggunakan kenderaan kereta, van dan motosikal buatan tempatan.

(a) Bayaran yang dikenakan:

- Kereta dikenakan bayaran RM 2.00
- motosikal RM 1.00

(b) Syarat-Syarat Pengecualian Cukai Jalan

- Kereta, van dan motosikal nasional sahaja
- Berdaftar dengan JKM sebagai orang kurang upaya Fizikal sahaja
- Berdaftar dengan JKM sebagai orang kurang upaya Fizikal sahaja
- Pengecualian diberikan kepada pemohon sahaja
- Pengecualian diberikan kepada sebuah kenderaan dalam satu masa
- Memiliki lesen memandu yang sah

3.2 KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM:

3.2.1 Perkhidmatan Bas

Terdapat dua jenis pekhidmatan bas (berdaftar dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP))yang disediakan iaitu seperti berikut :

- Bas Ekpress
- Bas Henti – henti

Kadar Diskaun Tambang :

- Diskaun tambang sebanyak 25 peratus (%) bagi perkhidmatan bas ekspres.
- Diskaun tambang sebanyak 50 peratus (%) bagi perkhidmatan bas henti – henti
- Pemberian diskaun boleh dilaksanakan dengan menunjukkan Kad OKU yang dikeluarkan oleh JKM semasa pembelian tiket.

[Laman Web: http://www.lpkp.gov..my/home](http://www.lpkp.gov.my/home)

[No. Telefon: 03 - 88055000](tel:03-88055000)

3.2.2 **Sistem Transit Aliran Ringan**

Menawarkan kemudahan perkhidmatan bagi:

- Laluan Ampang dan Sri Petaling (Sebelum ini laluan STAR)
- Laluan Kelana Jaya (Sebelum ini laluan PUTRA)

Menawarkan diskaun sebanyak 50 % dengan menunjukkan Kad OKU semasa pembelian tiket di kaunter.

[LamanWeb:http://rapidkl.com.my](http://rapidkl.com.my)

[No.Telefon:03-203788528/85](tel:03-203788528/85)

3.2.3 **Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTMB) Antarabandar**

Menikmati diskaun harga sebanyak 50% ke atas tambang perjalanan bagi semua kelas (tambang perjalanan = tambang asas mengikut jarak km) di setiap destinasi dengan menunjukkan kad OKU semasa pembelian tiket di kaunter tiket.

Jumlah tambang penuh bermaksud:-

(Tambang penuh= tambang perjalanan + harga tempat duduk/katil)

3.2.4 **Perkhidmatan KTM Komuter**

Menikmati diskaun harga sebanyak 50% ke semua destinasi dengan menunjukkan kad OKU semasa pembelian tiket di kaunter tiket.

[Laman Web: http://www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my)

[No. Telefon: 03 – 22781222](tel:03-22781222)

3.2.5 **Perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS)**

Memberi diskaun istimewa sehingga 50 peratus (%) bagi penerbangan dalam negeri.

Diskaun hanya dapat diperolehi melalui pembelian tiket di kaunter sahaja dan bukannya melalui mesin jualan tiket, Syarikat Prasarana Negara akan memberikan diskaun 50% ke atas tambang perjalanan. Syarikat pengangkutan swasta digalakkan untuk memberi kemudahan yang sama.

[Laman Web: www.malaysiaairline.com](http://www.malaysiaairline.com)

No. Telefon: 03 – 22461200

4.0 KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

4.1 KEMUDAHAN PERUMAHAN

4.1.1 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga menyediakan kemudahan-kemudahan kepada orang kurang upaya bagi menyewa rumah-rumah kos rendah atau rumah pangsa DBKL dengan memberi pengurangan kadar sewa kepada orang kurang upaya.

[LamanWeb:http://dbkl.co.my](http://dbkl.co.my)

[No.Telefon:03-40234452](tel:03-40234452)

4.1.2 SYARIKAT PERUMAHAN NASIONAL BERHAD (SPNB)

Syarikat Perumahan Nasional Berhad memberi keutamaan kepada OKU yang berpendapatan rendah dalam memperolehi rumah kos rendah dan sederhana rendah iaitu sebanyak 20 peratus (%) diskaun harga telah ditawarkan.

***Laman Web:* <http://www.spnb.com.my>**

No. Telefon: 1 – 300 – 80 – 3838

5.0 KEMENTERIAN KESIHATAN

5.1 PENGECUALIAN BAYARAN RAWATAN PERUBATAN

Kerajaan telah bersetuju supaya **semua golongan orang kurang upaya berdaftar dengan JKM** dikecualikan daripada bayaran rawatan perubatan di hospital kerajaan.

5.2 Garis panduan pelaksanaan adalah seperti berikut:-

- Golongan kurang upaya terhad kepada mereka yang berdaftar dengan JKM;
- Kelas wad yang layak diduduki ialah wad kelas tiga; dan
- Kemudahan ini adalah terhad kepada warganegara Malaysia sahaja.

[Laman Web: http://www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)

[No. Telefon: 03 – 88853000](tel:03-88853000)

6.0 DASAR SATU PERATUS PEKERJAAN DAN PELUANG PEKERJAAN

6.1 Sektor Kerajaan

Kerajaan telah membuka peluang pekerjaan kepada OKU dalam sektor awam melalui **Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan** berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.10/1988 dan dipertingkatkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 / 2008 iaitu yang mula dikuatkuasakan pada 1 April 2008

6.2 Sektor Swasta :

Bagi Sektor Swasta, Jawatankuasa Penggalakan Pengajian Orang Cacat Di Sektor Swasta telah ditubuhkan dalam tahun 1990 di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah mewujudkan **Kod Amalan Pengajian Orang Kurang Upaya** di Sektor Swasta.

7.0 JABATAN TENAGA KERJA

7.1 SISTEM PENEMPATAN ORANG KURANG UPAYA (SPOKU)

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (Kementerian Sumber Manusia) menyediakan perkhidmatan pendaftaran secara online kepada majikan dan pencari kerja menerusi paparan di bawah. Pendaftaran boleh dilakukan dimana-mana tanpa perlu hadir di Jabatan Tenaga Kerja.

7.2 SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN ORANG KURANG UPAYA (SBGP- OKU)

Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) adalah satu strategi kerajaan untuk "bantu OKU mambantu OKU mendapatkan pekerjaan" melalui pengembangan perniagaan mereka. (SBGP-OKU) adalah terbuka kepada OKU di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

7.2.1 Syarat-syarat permohonan :

- OKU hendaklah berdaftar dengan JKM
- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun dan ke atas.
- Mempunyai perniagaan dan bercadang untuk mengembangkan perniagaan.
- Permohonan boleh secara individu atau berkumpulan.
- Pengembangan perniagaan adalah bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan kepada OKU.
- Perniagaan persatuan OKU yang berdaftar juga layak memohon.

7.2.3 **Syarat-syarat untuk permohonan geran:**

- Permohonan hendaklah menggunakan borang SBGP-OKU yang boleh diperolehi di mana-mana pejabat Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang berdekatan.
- Mengemukakan kertas kerja yang jelas menerangkan tujuan permohonan dibuat beserta butiran terperinci dan dokumen-dokumen tambahan.
- Sokongan daripada Persatuan/Pertubuhan badan Bukan Kerajaan (NGOs) adalah diberi keutamaan.
- Mana-mana OKU atau Kumpulan OKU yang telah menerima bantuan atau pinjaman daripada agensi-agensi lain juga layak untuk memohon
- Permohonan yang lengkap yang disertakan dengan dokumen-dokumen yang perlu hendaklah diserahkan kepada JTK yang terdekat

Laman Web: <http://www.jtksm.gov.my>

No. Telefon: [03-88865062](tel:03-88865062)

8.0 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

8.1 KEMUDAHAN PENCEN DAN WAKTU KERJA

Kerajaan melalui JPA menyediakan **pencen terbitan** kepada anak OKU penjawat awam yang telah meninggal dunia. Pencen ini diberikan sepanjang hayat kanak-kanak berkenaan.

Bagi semua anggota perkhidmatan awam yang mempunyai anak-anak kurang upaya, kerajaan akan membenarkan mereka bekerja mengikut 'flexi-hours' supaya dapat memudahkan urusan kebajikan anak mereka.

***Laman Web:**<http://www.jp.gov.my>*

***No. Telefon:** 038853000*

9.0 KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURAN

Pelan Takaful Berkelompok OKU menyediakan perlindungan dan manfaat takaful khusus untuk OKU yang berdaftar dengan JKM yang belajar di kelas-kelas PDK secara berkelompok di bawah satu perjanjian Pelan Takaful Keluarga Berkelompok. Ianya bertujuan untuk membantu keluarga atau OKU sendiri sekiranya berlaku sebarang malapetaka kepada dirinya dan juga sebagai persediaan diri.

10.0 KEMUDAHAN TELEKOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

10.1 TELEKOM MALAYSIA

- Telekom Malaysia (TM) sediakan kemudahan kepada Orang Kurang Upaya di bawah Pakej Penyayang seperti berikut :
- Percuma untuk sewa bulanan perkhidmatan talian telefon Kediaman sahaja.
- Percuma untuk panggilan ke Perkhidmatan Panduan Direktori Telefon (103)
- Percuma untuk perkhidmatan telefon Kemudahan Tambahan
- Sama ada "Panggilan Menunggu" atau "Pemindahan Panggilan"
- Perkhidmatan Pakej Internet – RM 45.00 hingga RM 148.00 bergantung kepada kelajuannya.

10.1.1 Syarat – Syarat kelayakan :

- Orang Kurang Upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Warga negara yang berumur 18 tahun ke atas.
- Sekiranya kurang dari 18 tahun boleh memohon atas nama ibu bapa atau penjaga yang sah yang berumur 18 tahun dan ke atas serta mendapat surat pengesahan daripada JKM, Jabatan Kerajaan atau Ketua Kampung.
- Hanya ditawarkan di premis kediaman OKU tinggal
- Tempoh perjanjian perkhidmatan telefon bagi pendaftaran pakej adalah selama 1 tahun.
- Kelayakan pakej akan terbatal sekiranya pelanggan melanggar syarat – syarat dan peraturan –peraturan yang
- ditetapkan.

Laman Web:<http://www.tm.com.my>

No. Telefon: 03 – 22407043

11.0 KEMENTERIAN DALAM NEGERI / JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

11.1 KEMUDAHAN PENGECUALIAN BAYARAN MEMBUAT MYKAD, CARIAN SIJIL KELAHIRAN ATAU SIJIL KEMATIAN DAN DOKUMEN PERJALANAN

Jabatan Pendaftaran Negara menyediakan pengecualian kepada OKU untuk membuat MyKad yang hilang dan pengurangan atau pengecualian bayaran bagi kes daftar lewat kelahiran dan membuat MyKad.

[LamanWeb:http://www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my)

[No.Telefon:0388807000](tel:0388807000)

12 JABATAN IMIGRESEN

12.1 PENGECCUALIAN BAYARAN PASPOT

Kerajaan melalui Jabatan Imigresen telah memberi pengecualian bayaran kepada semua golongan Orang Kurang Upaya bagi membuat paspot untuk urusan ke Luar Negara.

Laman Web: <http://www.imi.gov.my>

No.Telefon:03-88801000

Perhatian:

Bagi keterangan lanjut sila layari Laman Web yang telah dipaparkan.